

# 20,000 hadir Program Temuduga Terbuka SL1M

BH 24.7.2017 11

➔ 15,000 jawatan ditawarkan  
43 syarikat seluruh negara

Oleh Mohd Nazlie Zainul  
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

**K**ira-kira 20,000 berketurunan ke Program Temuduga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) peringkat negeri ini yang berlangsung dua hari di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ketua Sekretariat SL1M, Norashikin Ismail, berkata pihaknya menasaskan 10,000 pengunjung, namun jumlah keseluruhan yang hadir pada Sabtu dan Ahad lalu

adalah di luar jangkaan.

"Kita menerima kira-kira 20,000 pengunjung dan ia seiring dengan sekitar 15,000 peluang pekerjaan ditawarkan oleh 43 syarikat dari seluruh negara pada program ini.

## Dapat sambutan

"Kita gembira kerana program ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung khususnya rakyat Sabah," katanya ketika ditemui, semalam.

Sabah adalah lokasi kelima program SL1M tahun ini dan akan disusuli dua lagi lokasi, iaitu Melaka pada Ogos serta Perak pada

September.

Selain temuduga terbuka, pengunjung juga boleh melihat pameran kerja, ceramah kerjaya dan persembahan selebriti termasuk Faizal Tahir, Firman dan kumpulan Zero.

## Dapat surat tawaran

Norashikin berkata, kira-kira 120,000 graduan berjaya mendapatkan pekerjaan menerusi SL1M setakat ini, termasuk 1,407 anak Sabah.

Sementara itu, Augustina Chang Mei Xin, 26, dari Keningau, bersyukur kerana terus mendapat su-

rat tawaran mengikuti latihan di bawah PETRONAS menerusi temuduga terbuka pada program berkenaan.

"Saya menaiki bas dua jam setengah perjalanan untuk ke Kota Kinabalu.

"Sebelum ini, saya hanya membantu ibu bapa menguruskan kedai runcit kami di kampung.

"Apabila tahu mengenai temuduga ini, saya mahu mencuba nasib dan tak sangka percubaan dan pengorbanan saya membuahkan hasil," katanya yang juga lulusan Sarjana Pengurusan Perniagaan dari UMS.



Pengunjung membanjiri Program Temuduga Terbuka SL1M pada hari kedua di Dewan Canselor UMS di Kota Kinabalu, semalam.

Fakta  
nombor

1,407

anak Sabah menerima tawaran kerja menerusi SL1M